

Peranan Pempengaruh Digital di *TikTok* dalam Penyebaran al-Qur'an dan Hadis: Satu Tinjauan Naratif

[The Role of Digital Influencers on TikTok in Disseminating the Qur'an and Hadith: A Narrative Review]

Siti Nuron Mohamed¹, Siti Nurwanis Mohamed² & Sabirin Yusoff³

¹ (Corresponding Author) Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia. E-mail: nuroni.mohamed@gmail.com.

² Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50703 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: nurwanismohamed@gmail.com.

³ Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia. E-mail: zaim@kias.edu.my.

ABSTRACT

In this fast-paced digital era, social media, particularly TikTok, has become a primary platform for disseminating information, including religious teachings. This article examines the role of digital influencers on TikTok in disseminating the Quran and Hadith, as well as their interactions with followers. Utilising a qualitative design, the study involves influencers who are active and have a significant following in the field of Islamic knowledge dissemination. The findings indicate that influencers' digital presence on TikTok, as a medium for disseminating the Quran and Hadith, is characterised by the portrayal of the influencer's character, interaction and engagement between the influencer and followers, as well as creativity in delivery. Additionally, a sample focus is provided on selected TikTok accounts in the field of the Quran and Hadith. However, they also face challenges such as the risk of spreading misinformation and the limitations of short video formats. Nevertheless, TikTok offers opportunities to reach a broad audience and build supportive communities. This article aims to provide in-depth insights into how TikTok can be effectively used to educate and influence the younger generation in practising Islamic teachings.

Keywords: *Influencer; al-Quran; Hadith; TikTok; Narrative Review*

ABSTRAK

Dalam era digital yang pesat, media sosial khususnya *TikTok*, telah menjadi platform utama untuk penyebaran maklumat, termasuk ajaran agama. Artikel ini mengkaji peranan pempengaruh digital di *TikTok* dalam menyebarkan al-Quran dan Hadis,

serta cara mereka berinteraksi dengan pengikut. Menggunakan reka bentuk kualitatif, kajian ini melibatkan pempengaruh yang aktif dan mempunyai pengikut yang signifikan dalam bidang penyebaran ilmu Islam. Dapatan menunjukkan bahawa peranan pempengaruh digital di *TikTok* sebagai medium penyebaran al-Quran dan Hadis dikenal pasti melalui penampilan karakter pempengaruh, interaksi dan penglibatan antara pempengaruh dan pengikut serta kreativiti dalam penyampaian. Selain itu, kajian ini memberi fokus kepada akaun TikTok terpilih yang memainkan peranan signifikan dalam penyebaran ilmu Islam. Namun, pempengaruh juga menghadapi cabaran seperti risiko penyebaran maklumat salah dan keterbatasan format video pendek. Walaupun demikian, *TikTok* menawarkan peluang untuk menjangkau audiens yang luas dan membina komuniti yang saling menyokong. Artikel ini diharapkan dapat memberikan pandangan mendalam tentang bagaimana *TikTok* dapat digunakan secara efektif untuk mendidik dan mempengaruhi generasi muda dalam pengamalan ajaran Islam.

Kata Kunci: Pempengaruh; al-Quran; Hadis; *TikTok*; Tinjauan Naratif

How to Cite:

Received: 8-03-2025
Revised: 21-05-2025
Accepted: 29-05-2025
Published: 31-05-2025

Mohamed, S. N., Mohamed, S. N. & Yusoff, S. (2025). Peranan Pempengaruh Digital di *TikTok* dalam Penyebaran al-Qur'an dan Hadis: Satu Tinjauan Naratif. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 6(1), 193-209.

1. Pendahuluan

Dalam era digital yang pesat ini, media sosial telah menjadi salah satu platform utama untuk penyebaran maklumat, termasuk ajaran agama. *TikTok*, sebagai salah satu aplikasi media sosial yang paling popular, telah menarik perhatian masyarakat moden. Penyebaran mesej al-Quran dan hadis melalui *TikTok* telah menjadi fenomena yang semakin meluas, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Dengan lebih daripada satu bilion pengguna aktif di seluruh dunia, *TikTok* menyediakan platform yang unik untuk pempengaruh menyampaikan ajaran Islam dengan cara yang menarik dan mudah diakses (Abdul Manan et al., 2023).

Pempengaruh menggunakan video pendek untuk menyampaikan mesej dakwah yang padat dan berkesan, menjadikan ajaran agama lebih relevan dengan kehidupan seharian pengguna (Khairul Anwar et al., 2024). Pempengaruh di media sosial termasuk *TikTok*, telah berjaya menarik perhatian generasi muda dengan menyampaikan pesan dakwah hijrah yang menggalakkan perubahan positif dalam kehidupan mereka (Hudaa et al., 2023). Pempengaruh digital di *TikTok* bukan sahaja berperanan sebagai penyampai maklumat, tetapi juga sebagai pendidik dan *inspirator* yang

mampu mempengaruhi pemahaman dan pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pengikut mereka (Ibrahim Adham, 2025).

Istilah *pempengaruh digital* merujuk kepada individu yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi orang lain dalam ruang digital melalui kuasa, ilmu pengetahuan, kedudukan atau hubungan dengan pengguna. Istilah ini digunakan untuk menggambarkan individu yang terkenal kerana jumlah pengikut yang ramai serta kemampuan untuk mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku masyarakat melalui platform digital (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021). Golongan ini biasanya melibatkan selebriti, atlet, model, dan pelukis dalam pelbagai bidang (Wielki, 2020).

Selain itu, *pempengaruh digital* turut berperanan sebagai agen perubahan sosial yang menggunakan media digital untuk menyampaikan mesej, membina jaringan komunikasi, dan mempromosikan idea-idea tertentu. Dalam konteks semasa, *pempengaruh digital* yang menyampaikan mesej Islam semakin menonjol, di mana perkembangan ini dikuasai oleh individu-individu terkenal yang mempunyai pandangan dunia kosmopolitan, kemahiran bercerita (*storytelling*) yang efektif serta keupayaan menghasilkan kandungan media digital yang kreatif dan menarik (Wielki, 2020). Seperti yang dinyatakan oleh Zaid et al. (2022), kehadiran golongan ini tidak hanya memperkukuhkan peranan platform digital sebagai ruang interaksi baharu antara agama dan masyarakat, malah mereka juga berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan nilai tradisional Islam dengan tuntutan masyarakat moden melalui pendekatan yang relevan dan dinamik.

Tidak kira apa pun istilah yang diguna pakai pada setiap zaman, Islam telah menyediakan panduan lengkap untuk menjadi seseorang yang berpengaruh atau "*role model*" atau "*qudwah*" selaras dengan tuntunan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah, bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أُجُورِ مَنْ تَبِعَهُ، لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا،
وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلَالَةٍ كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِثْمِ مِثْلُ آثَامِ مَنْ تَبِعَهُ، لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا.

Maksudnya: Barangsiapa yang menyeru (seseorang) kepada hidayah, baginya ganjaran sepertimana ganjaran orang yang mengikutinya tanpa mengurangi sedikitpun daripada ganjaran mereka (yang melakukan).

[*Sahīh Muslim*, no. hadith: 2673]

Pempengaruh realiti yang paling perlu diikuti model ikutan yang paling utama pastilah Nabi Muhammad SAW. Baginda SAW merupakan

contoh model yang perlu dijadikan idola dan menjadi idaman bagi setiap Muslim sebagai panduan terbaik dalam kehidupan seorang Muslim. Malah, Michael Hart seorang pengkaji Barat telah menyenaraikan Nabi Muhammad SAW sebagai satu-satunya pemimpin dan pendidik yang berjaya memberikan inspirasi dan amat istimewa buat seluruh manusia untuk diteladani dan dicontohi (Omar & Daud, 2022).

Allah SWT berfirman:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ۖ﴾

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang) (Al-Ahzab, 33: 21).

Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk mengkaji peranan pempengaruh digital di *TikTok* sebagai medium penyebaran al-Quran dan Hadis. Ia dikenal pasti melalui penampilan karakter pempengaruh menggunakan *TikTok* untuk menyebarkan mesej al-Quran dan Hadis, interaksi dan penglibatan antara pempengaruh dan pengikut serta kreativiti dalam penyampaian. Selain itu, artikel ini memberi tumpuan kepada akaun *TikTok* terpilih yang memainkan peranan dalam penyebaran ilmu al-Quran dan Hadis. Di samping itu, ia juga mengkaji cabaran serta peluang yang dihadapi oleh pempengaruh dalam menyebarkan ilmu Islam melalui platform *TikTok*.

Dengan memahami peranan pempengaruh digital di *TikTok* dalam penyebaran al-Quran dan Hadis, artikel ini diharapkan dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang bagaimana platform ini dapat digunakan secara efektif untuk mendidik dan mempengaruhi masyarakat terutamanya kepada generasi muda dalam pengamalan ajaran Islam.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah tinjauan naratif bagi meneliti peranan pempengaruh digital *TikTok* dalam penyebaran al-Quran dan hadis. Tinjauan naratif merupakan satu pendekatan penyelidikan kualitatif yang digunakan untuk menganalisis dan mensintesis maklumat daripada pelbagai sumber dalam bentuk penceritaan atau naratif. Ia bertujuan untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai sesuatu fenomena

berdasarkan penjelasan yang bersifat deskriptif dan tematik (Roy & Mark, 1997). Kaedah ini sering digunakan dalam kajian sosial bagi mengkaji perkembangan sesuatu isu, mengenal pasti corak tertentu, serta memahami konteks penyebaran maklumat dalam masyarakat. Dalam konteks penyelidikan media digital, tinjauan naratif membantu penyelidik meneliti bagaimana kandungan disampaikan, diterima dan memberi kesan kepada khalayak (Greenhalgh et al., 2018).

Dalam kajian ini, tinjauan naratif digunakan untuk meneliti peranan mempengaruhi digital *TikTok* dalam menyebarkan mesej al-Quran dan hadis. Kaedah ini membolehkan penyelidik mengenal pasti strategi yang digunakan oleh mempengaruhi dalam menyampaikan dakwah, bentuk interaksi mereka dengan pengikut serta cabaran dan peluang dalam penyebaran ilmu Islam di platform media sosial. Selain itu, pendekatan ini juga sesuai untuk memahami bagaimana elemen visual, audio dan teks dalam kandungan digital mempengaruhi kefahaman serta penerimaan pengguna terhadap mesej yang disampaikan (Nur, 2024). Dengan menggunakan tinjauan naratif, kajian ini dapat memberikan perspektif yang lebih komprehensif tentang keberkesanan mempengaruhi digital sebagai agen dakwah dalam ekosistem media sosial moden.

Pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian dan analisis video *TikTok* yang mengandungi mesej berkaitan al-Quran dan hadis. Pemilihan sampel dibuat secara bertujuan, melibatkan mempengaruhi digital yang mempunyai jumlah pengikut yang signifikan, kadar interaksi yang tinggi serta kekerapan dalam memuat naik kandungan berkaitan agama. Selain itu, kajian ini turut merujuk kepada sumber sekunder seperti artikel jurnal, buku dan laporan penyelidikan yang membincangkan peranan media sosial dalam dakwah digital.

Analisis data dilakukan secara tematik, di mana penyelidik mengenal pasti corak dan tema utama dalam penyebaran mesej Islam melalui *TikTok*. Data dianalisis dengan meneliti aspek strategi dakwah, kandungan video, bentuk penyampaian, serta maklum balas daripada pengguna platform tersebut. Melalui metodologi ini, kajian dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keberkesanan mempengaruhi digital dalam menyampaikan ajaran al-Quran dan hadis serta cabaran yang dihadapi dalam konteks dakwah digital di era media sosial.

3. Dapatan dan Perbincangan

3.1 Peranan Mempengaruhi Muslim di TikTok

i) Penampilan Karakter Pempengaruh

Pempengaruh di media sosial memainkan peranan penting dalam menyampaikan ajaran al-Quran dan hadis kepada masyarakat, terutamanya generasi muda. Dalam konteks ini, pempengaruh tidak hanya berfungsi sebagai penyampai maklumat, tetapi juga sebagai model teladan yang dapat mempengaruhi perilaku dan pemikiran pengikut mereka. Sebagai contoh, kajian oleh Hudaa et al. (2023) menunjukkan bahawa pempengaruh di media sosial seperti Instagram dan *TikTok*, telah berjaya menginterpretasikan pesan dakwah hijrah dengan cara yang menarik dan relevan bagi kalangan muda (Hudaa et al., 2023).

Menurut kajian oleh Sucipta dan Kusuma (2025), penting bagi pempengaruh untuk menjaga komunikasi yang sesuai dengan ajaran Islam, agar tidak menimbulkan salah faham dalam kalangan pengikut. Mereka harus mampu menyampaikan pesan dengan cara yang positif dan mendidik, serta menghindari penggunaan bahasa yang kasar atau merendahkan seseorang. Hal ini sejalan dengan prinsip-prinsip yang terdapat dalam al-Quran dan hadis yang menekankan pentingnya akhlak dan etika dalam berinteraksi dengan orang lain.

Para pempengaruh seharusnya mampu menerapkan enam prinsip komunikasi dalam al-Quran iaitu *qaulan karima*, *qaulan sadida*, *qaulan ma'rufa*, *qaulan baligha*, *qaulan layyina*, dan *qaulan maisura* (Pebirawati, 2023). Selain itu, para pempengaruh harus mampu menerapkan kaedah metodologi dakwah *bi al-hikmah*, *bi al-maw'izah al-hasanah* dan dakwah *al-mujadalah bi al-lati hiya ahsan*. Penampilan dengan gaya bahasa yang lemah lembut dan bahasa yang mudah untuk difahami serta sesuai dengan suruhan dari al-Quran dan hadis merupakan antara faktor para pempengaruh diterima oleh audiens (Nafiah et al., 2022).

Ini kerana, prinsip-prinsip etika yang dijelaskan dalam al-Quran dan kesannya terhadap pembentukan masyarakat yang berbudi pekerti, bermula dengan pemupukan individu yang mempunyai standard moral yang tinggi. Moraliti adalah penting untuk pembangunan, pemeliharaan, dan penambahbaikan mana-mana komuniti, serta menguatkan hubungan antara individu di dalamnya (Zamakhsyari, 2024).

Secara keseluruhan, penampilan karakter pempengaruh dalam menyampaikan al-Quran dan hadis sangat berpengaruh terhadap cara masyarakat menerima dan memahami ajaran agama. Melalui pendekatan yang tepat, pempengaruh dapat menjadi jambatan yang menghubungkan ajaran Islam terutamanya kepada generasi muda serta mendorong mereka untuk mengamalkan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan.

ii) Interaksi dan Penglibatan

Interaksi dan keterlibatan antara pempengaruh dan pengikut di *TikTok* adalah salah satu aspek yang paling penting dalam penyebaran mesej Islam (Ghozali et al., 2022). Platform ini membolehkan pengguna untuk berkomunikasi secara langsung melalui komen, reaksi dan sesi langsung, yang mencipta ruang untuk perbincangan yang lebih mendalam mengenai ajaran Islam (Susanti et al., 2024). Interaksi ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman pengguna terhadap ajaran agama, tetapi juga membina rasa kebersamaan dan solidariti dalam kalangan pengikut (Arfan & Megandaru, 2023). Melalui interaksi ini, pengguna merasa lebih terlibat dan berhubung dengan kandungan yang disampaikan, menjadikan mereka lebih cenderung untuk mengamalkan ajaran yang dipelajari (Akbar et al., 2024).

Keterlibatan ini juga memberi peluang kepada pempengaruh untuk menjawab soalan dan memberikan penjelasan lanjut tentang ajaran Islam (Muzakky et al., 2022). Dalam banyak kes, pengikut mungkin mempunyai soalan atau keraguan mengenai ajaran tertentu dan pempengaruh dapat menggunakan platform ini untuk memberikan penjelasan yang jelas dan tepat (Abdul Manan et al., 2023). Sebagai contoh, pempengaruh yang aktif menjawab soalan dan memberi maklum balas kepada pengikut mereka dapat membantu mengurangkan kekeliruan dan meningkatkan pemahaman tentang ajaran Islam (Dass Meral & Ismail, t.t.). Ini menunjukkan bahawa interaksi yang aktif bukan sahaja memperkaya pengalaman pengguna tetapi juga berfungsi sebagai alat pendidikan yang berkesan (Amran et al., 2024).

Selain itu, *TikTok* juga membolehkan pempengaruh untuk mencipta kandungan yang lebih interaktif, seperti cabaran atau kuiz yang melibatkan pengikut. Ini bukan sahaja menjadikan penyebaran mesej Islam lebih menarik, tetapi juga mendorong pengikut untuk menyertai secara aktif dalam proses pembelajaran (Ajidin & Wahidah, 2023). Pendekatan tersebut dapat meningkatkan keterlibatan pengguna dan menjadikan mereka lebih berkomitmen untuk memahami dan mengamalkan ajaran Islam. Melalui cara ini, pempengaruh dapat mencipta komuniti yang saling menyokong dan berinteraksi, di mana ia penting dalam membina kefahaman yang lebih mendalam tentang ajaran agama (Zulfa et al., 2025).

iii) Kreativiti dalam Penyampaian

Kreativiti dalam penyampaian mesej Islam di *TikTok* adalah salah satu faktor utama yang menyumbang kepada keberkesanan pempengaruh dalam menarik perhatian penonton (Ghozali et al., 2022). Dengan format video pendek yang membolehkan penyampaian maklumat secara ringkas dan padat, pempengaruh dapat menggunakan pelbagai teknik kreatif untuk

menyampaikan ajaran Islam dengan cara yang menarik dan relevan (Susanti et al., 2024). Penggunaan elemen hiburan seperti muzik dan visual yang menarik dalam video dakwah dapat meningkatkan daya tarikan dan keterlibatan penonton, menjadikan mesej yang disampaikan lebih mudah diingati (Arfan & Megandaru, 2023; Akbar et al., 2024).

Salah satu pendekatan kreatif yang sering digunakan oleh pempengaruh adalah penggabungan naratif dan visual. Pempengaruh sering menceritakan kisah-kisah yang berkaitan dengan ajaran Islam, sambil menggunakan grafik dan animasi untuk memperkuat mesej yang disampaikan (Muzakky et al., 2022). Pendekatan ini bukan sahaja menjadikan kandungan lebih menarik, tetapi juga membantu penonton untuk memahami konteks dan makna ajaran dengan lebih mendalam (Abdul Manan et al., 2023). Video yang mengandungi tafsir al-Quran yang disampaikan dalam bentuk cerita dapat menarik perhatian penonton dan mendorong mereka untuk berfikir secara kritis tentang ajaran agama (Amran et al., 2024).

Selain itu, pempengaruh juga menggunakan pelbagai format video untuk menyampaikan mesej dakwah. Ini termasuk video tutorial dan sesi soal jawab yang melibatkan pengikut (*followers*). Dengan cara ini, pempengaruh dapat mencipta pengalaman yang lebih interaktif dan menarik bagi penonton (*viewers*) (Ajidin & Wahidah, 2023). Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keterlibatan pengguna, tetapi juga menjadikan penyebaran mesej dakwah lebih berkesan. Pengguna yang terlibat dalam cabaran atau aktiviti interaktif lebih cenderung untuk mengingati dan mengamalkannya (Zulfa et al., 2025).

Kreativiti dalam penyampaian juga membolehkan pempengaruh untuk menyesuaikan mesej Islam dengan budaya dan konteks semasa. Pempengaruh lazimnya memanfaatkan trend semasa dan elemen budaya popular dalam video mereka bagi memastikan mesej yang disampaikan lebih relevan dengan kehidupan harian khalayak. Ini membantu dalam menarik perhatian generasi muda yang mungkin tidak berminat dengan penyampaian dakwah yang lebih tradisional (Farihah, 2013; Husnaa et al., 2023; Zulfa et al., 2025). Penggunaan elemen budaya popular dalam penyampaian dakwah dapat menjadikan ajaran Islam lebih mudah diterima dan difahami oleh generasi muda.

3.2 Tumpuan Akaun TikTok Terpilih


i) Pempengaruh bidang Hadis

Dr. Ahmad Kamil bin Jamilin atau nama poplarnya Kamilin Jamilin merupakan seorang doktor falsafah dalam bidang hadis dan pendakwah. Beliau menggunakan platform *TikTok* untuk berkongsi pelbagai video yang

mengandung penjelasan tentang hadis-hadis Nabi Muhammad SAW dan aplikasinya dalam kehidupan seharian. Melalui pendekatan yang menarik dan mudah difahami, beliau berjaya menarik perhatian generasi muda dan membantu mereka memahami ajaran Islam dengan lebih mendalam.


Akaun *TikTok* beliau yang dikenali sebagai *@dr_kamilinjamin* adalah salah satu contoh pempengaruh yang aktif dalam menyebarkan ilmu hadis di Malaysia. Akaun ini telah diwujudkan pada November 2022 dan sehingga April 2025, ia telah berjaya menarik perhatian seramai 492,600 orang pengikut serta memperoleh sebanyak 7.7 juta tanda suka (Kamilin Jamilin, 2025). Pencapaian ini mencerminkan daya tarikannya sebagai platform yang efektif dalam menarik perhatian audiens dan menyebarkan kandungan yang relevan secara meluas. Berikut adalah tangkapan layar profil akaun *TikTok* beliau.

Gambar 1: Profil Akaun *TikTok* Kamilin Jamilin



(Sumber: Siti Nuroni, Siti Nurwanis & Sabirin, 2025)

Melalui koleksi video beliau yang berjumlah 338 yang dimuat naik dalam akaun *TikTok* tersebut, Dr. Kamilin sering membincangkan hadis-hadis yang berkaitan dengan pelbagai aspek kehidupan, termasuk etika, akhlak dan tanggungjawab sosial. Beliau menjelaskan makna dan konteks hadis tersebut, serta bagaimana ia boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Dengan menggunakan naratif yang menarik dan contoh-contoh praktikal, beliau menjadikan ajaran hadis lebih relevan dan mudah difahami oleh pengikutnya. Sebahagian video beliau boleh dilihat pada gambar 2 berikut:

Gambar 2: Sebahagian Koleksi Video Akaun *TikTok* Kamilin Jamilin

(Sumber: Siti Nuroni, Siti Nurwanis & Sabirin, 2025)

Pendekatan Dr. Kamilin yang mengaitkan hadis dengan situasi kehidupan sebenar membantu penonton untuk melihat kepentingan ajaran tersebut. Melalui cara ini, beliau tidak hanya menyampaikan maklumat tetapi juga memberi inspirasi kepada pengikut untuk mengamalkan ajaran Nabi dalam kehidupan mereka. Ini menunjukkan bahawa penyampaian hadis melalui platform seperti *TikTok* dapat menjadikan ilmu agama lebih dekat dan mudah diakses oleh generasi muda. Contohnya, video yang bertajuk “Zikir Sunnah Sebelum Tidur yang Besar Fadilatnya” yang mencapai 2.1 juta orang penonton dan “Adab dan Sunnah Makan” yang mencapai 433,500 orang penonton. Kandungan kedua-dua video tersebut menunjukkan beliau sedang mengajarkan amalan sunnah kepada anak-anaknya dengan menjelaskan hikmah dari pengamalan sunnah tersebut (Gambar 3).

Gambar 3: Tangkap Layar Video “Zikir Sunnah Sebelum Tidur yang Besar Fadilatnya” dan “Adab dan Sunnah Makan”



(Sumber: Siti Nuroni, Siti Nurwanis & Sabirin, 2025)

Salah satu aspek yang menarik tentang akaun @dr_kamilingjamilin adalah keterlibatan yang tinggi dengan pengikutnya. Beliau sering menjawab soalan yang diajukan oleh pengikut di ruang komen dan mengadakan sesi langsung untuk berinteraksi secara langsung. Ini mencipta ruang untuk perbincangan yang lebih mendalam dan membantu membina komuniti yang saling menyokong dalam pengamalan ajaran agama (Gambar 4).

Gambar 4: Tangkap Layar Jawapan Balas Soalan Daripada Pengikut



(Sumber: Siti Nuroni, Siti Nurwanis & Sabirin, 2025)

Keterlibatan ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman pengguna terhadap hadis, tetapi juga membina rasa kebersamaan dan solidariti dalam kalangan pengikut. Dengan memberikan maklum balas dan menjawab soalan, Dr. Kamilin menunjukkan bahawa beliau menghargai pandangan dan keperluan pengikutnya. Ini membantu membina kepercayaan dan kredibiliti, yang penting dalam penyebaran ilmu hadis.

ii) Pempengaruh bidang Tafsir

Ustaz Abdul Muein bin Rahman merupakan pempengaruh digital yang berkongsi penjelasan tentang maksud dan huraian ayat-ayat al-Quran, serta aplikasinya dalam kehidupan seharian. Dengan pendekatan yang menarik dan mudah difahami, beliau berjaya menarik perhatian generasi muda dan membantu mereka memahami ajaran Islam dengan lebih mendalam.

Video-video penjelasan berkaitan dengan tafsir oleh ustaz Abdul Muein dimuatkan dalam akaun *TikTok* @ghulamdakwahofficial. Akaun ini bukanlah akaun peribadi ustaz Abdul Muein, sebaliknya ia dikawal selia oleh Ghulam al-Dakwah yang merupakan media rasmi Pertubuhan Ghulam Al-Dakwah Selangor yang diasaskan oleh Ustaz Abd Muein Abd Rahman dan para pelajarnya (Pertubuhan Ghulam Al-Dakwah Selangor, 2015).


Akaun *TikTok* @ghulamdakwahofficial yang diwujudkan pada Januari 2022, telah berjaya menarik perhatian seramai 131,200 orang pengikut dan meraih sebanyak 772,700 tanda suka (Ghulam Al Dakwah, 2022). Sehingga April 2025, jumlah video yang dimuat naik melalui akaun ini telah mencapai angka 502 dan sebahagian koleksi video beliau adalah sebagaimana dalam gambar 6 berikut.

Gambar 5: Profil Akaun *TikTok* @ghulamdakwahofficial



(Sumber: Siti Nuroni, Siti Nurwanis & Sabirin, 2025)

Gambar 6: Sebahagian Koleksi Video Akaun *TikTok* @ghulamdakwahofficial



(Sumber: Siti Nuroni, Siti Nurwanis & Sabirin, 2025)

Dalam video-videonya, Ustaz Abdul Muein sering membincangkan pelbagai ayat al-Quran dan memberikan penjelasan yang mendalam tentang makna dan konteksnya. Beliau juga mengaitkan tafsir dengan isu-isu sosial yang relevan, menjadikan ajaran al-Quran lebih dekat dengan kehidupan seharian pengikutnya. Dengan menggunakan naratif yang menarik dan contoh-contoh praktikal, beliau menjadikan ajaran al-Quran lebih relevan dan mudah difahami oleh pengikutnya. Contohnya, video beliau yang telah ditonton oleh 495,300 orang pengikut yang bertajuk “Tips Rezeki Luas”, menghuraikan kaitan dosa menjadi penghalang kepada rezeki dan menyebabkan rezeki menjadi sempit. Beliau turut mendatangkan penjelasan dari ayat al-Quran dalam surah Nuh pada ayat 10 sehingga 12 yang bermaksud jika meminta ampun kepada Allah pasti Allah akan didatangkan pelbagai

rezeki seperti turun hujan lebat, suburkan tanaman, alirkan sungai-sungai dan berikan anak serta harta benda (Ghulam Al Dakwah, 2022).

Pendekatan Ustaz Abdul Muein yang mengaitkan tafsir dengan situasi kehidupan sebenar membantu penonton untuk melihat kepentingan ajaran tersebut. Dengan cara ini, beliau tidak hanya menyampaikan maklumat, tetapi juga memberi inspirasi kepada pengikut untuk mengamalkan ajaran al-Quran dalam kehidupan mereka. Ini menunjukkan bahawa penyampaian tafsir melalui platform seperti *TikTok* dapat menjadikan ilmu agama lebih dekat dan mudah diakses oleh generasi muda.

3.3 Cabaran dan Peluang

i) Cabaran

Penyebaran ilmu Islam, termasuk mesej al-Quran, hadis, dan tafsir, melalui platform *TikTok* menghadapi pelbagai cabaran yang perlu diatasi oleh pengengaruh. Salah satu cabaran utama adalah risiko penyebaran maklumat yang salah. Dengan kebolehan sesiapa sahaja untuk mencipta dan berkongsi kandungan, terdapat kemungkinan bahawa maklumat yang tidak tepat atau tidak sahih dapat tersebar dengan cepat, yang boleh menyebabkan kekeliruan di kalangan pengguna, terutamanya generasi muda yang mungkin tidak mempunyai latar belakang yang kuat dalam ilmu agama (Ghozali et al., 2022). Oleh itu, pengengaruh perlu memastikan bahawa setiap maklumat yang disampaikan adalah berdasarkan sumber yang sahih dan boleh dipercayai.

Selain itu, keterbatasan format video pendek juga menjadi cabaran dalam penyampaian ilmu Islam. Dalam banyak kes, penjelasan yang mendalam tentang ayat-ayat al-Quran atau hadis memerlukan masa dan ruang untuk membincangkan konteks, makna, dan aplikasi. Namun, dengan had masa yang ditetapkan untuk setiap video, pengengaruh mungkin terpaksa menyampaikan maklumat secara ringkas, yang boleh mengakibatkan kehilangan nuansa dan kedalaman tafsir (Muzakky et al., 2022). Pendekatan yang terlalu ringkas mungkin tidak memberikan pemahaman yang menyeluruh kepada penonton, dan ini boleh menyebabkan salah faham tentang ajaran Islam.

Keterlibatan yang tinggi di media sosial juga membawa risiko interaksi negatif dan kritikan. Pengengaruh yang membincangkan isu-isu sensitif dalam tafsir al-Quran atau hadis mungkin menghadapi komen yang tidak membina atau serangan peribadi dari pengguna lain. Ini boleh menjejaskan motivasi pengengaruh untuk terus berkongsi ilmu dan menjadikan mereka lebih berhati-hati dalam memilih topik yang ingin dibincangkan (Ajidin & Wahidah, 2023). Umat Islam patut merujuk kepada pihak berkuasa agama untuk mendapatkan penjelasan apabila berlaku sebarang percanggahan dalam

pandangan hukum dan bukannya membangkitkan pertikaian tersebut di media sosial (Hussain & Ahmad, 2020). Interaksi negatif ini bukan sahaja memberi kesan kepada pengengaruh, tetapi juga boleh mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap ilmu yang disampaikan.

Akhirnya, dalam dunia media sosial yang sangat kompetitif, pengengaruh dalam bidang tafsir dan hadis juga berhadapan dengan cabaran untuk menarik perhatian penonton di tengah-tengah pelbagai jenis kandungan lain. Dengan banyaknya pilihan hiburan dan maklumat yang tersedia, pengengaruh perlu mencari cara untuk menjadikan kandungan mereka lebih menarik dan relevan (Abdul Manan et al., 2023). Ini memerlukan kreativiti dan inovasi dalam penyampaian, agar mesej yang disampaikan dapat menarik perhatian dan memberi impak kepada penonton.

Secara keseluruhan, cabaran-cabaran ini menunjukkan bahawa penyebaran ilmu Islam di *TikTok* memerlukan pendekatan yang bijak dan beretika dalam penyampaian. Dengan memahami dan mengatasi cabaran ini, pengengaruh dapat memastikan bahawa ilmu yang disampaikan adalah tepat, relevan dan memberi manfaat kepada masyarakat.

ii) Peluang

Platform *TikTok* menawarkan pelbagai peluang yang dapat dimanfaatkan oleh pengengaruh untuk menjangkau generasi muda dengan cara yang inovatif dan berkesan. Salah satu peluang utama adalah kemampuan untuk menjangkau penonton yang luas dan pelbagai. Dengan lebih daripada satu bilion pengguna aktif di seluruh dunia, *TikTok* menyediakan platform yang unik untuk pengengaruh menyampaikan ajaran Islam kepada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk mereka yang mungkin tidak terdedah kepada ilmu agama melalui saluran tradisional (Abdul Manan et al., 2023). Ini membolehkan pengengaruh untuk menyebarkan mesej dakwah kepada generasi muda yang lebih cenderung menggunakan media sosial sebagai sumber maklumat.

Keterlibatan yang tinggi di *TikTok* juga memberikan peluang untuk membina komuniti yang saling menyokong. Interaksi yang aktif antara pengengaruh dan pengikut membolehkan mereka untuk berkongsi pengalaman, bertanya soalan dan memberi maklum balas. Ini mencipta ruang untuk perbincangan yang lebih mendalam mengenai ajaran Islam dan membantu membina rasa kebersamaan dalam kalangan pengikut (Ghozali et al., 2022). Dengan membina komuniti yang kuat, pengengaruh dapat mencipta suasana yang positif dan menyokong dalam pengamalan ajaran agama.

Selain itu, peluang untuk berkolaborasi dengan pengengaruh lain dalam bidang yang sama atau berkaitan juga dapat meningkatkan jangkauan

dan impak penyebaran ilmu Islam. Dengan bekerjasama, pempengaruh dapat saling mempromosikan kandungan mereka dan menjangkau audiens yang lebih luas. Ini bukan sahaja meningkatkan visibiliti mereka tetapi juga memperkaya kandungan yang disampaikan dengan pelbagai perspektif dan pendekatan.

Secara keseluruhan, peluang-peluang ini menunjukkan bahawa penyebaran ilmu Islam di *TikTok* mempunyai potensi yang besar untuk menjangkau generasi muda dan membantu mereka memahami serta mengamalkan ajaran agama dengan cara yang lebih menarik dan relevan. Dengan memanfaatkan peluang ini secara bijak, pempengaruh dapat memberikan impak yang positif dalam masyarakat.

5. Kesimpulan

Makalah ini menyimpulkan bahawa peranan pempengaruh digital di platform seperti *TikTok* telah menjadi sangat signifikan dalam menyebarkan ajaran Islam, khususnya al-Quran dan Hadis. Melalui pendekatan kreatif, interaktif dan penggunaan elemen naratif yang menarik, pempengaruh mampu menarik perhatian generasi muda serta menjadikan mesej Islam lebih relevan dengan kehidupan mereka. Selain itu, mereka berperanan membina komuniti yang positif untuk menyokong pengamalan ajaran agama. Walau bagaimanapun, penyebaran ilmu Islam di platform ini tidak terlepas daripada cabaran seperti risiko maklumat salah, keterbatasan format video pendek, serta interaksi negatif yang memerlukan pendekatan yang bijak dan beretika.

Di sebalik cabaran tersebut, terdapat peluang yang besar untuk dimanfaatkan oleh pempengaruh digital. Kemampuan menjangkau audiens yang luas, membina komuniti yang positif dan berkolaborasi dengan pempengaruh lain memberikan potensi untuk menyebarkan ilmu agama secara efektif. Dengan pendekatan yang inovatif dan relevan, pempengaruh dapat menggunakan *TikTok* bukan sahaja sebagai platform hiburan tetapi juga sebagai medium yang membantu generasi muda memahami dan mengamalkan ajaran Islam dengan cara yang lebih menarik dan bermakna. Secara keseluruhannya, mereka mampu menjadi agen perubahan yang positif dalam masyarakat.

Rujukan

Abdul Manan, Nurul Jannah, Muhamad Lutfi, Nurul Iffah, Sa'hari Anuar, Nurul Izzah, & Syed Hassan, Syed Najihuddin. (2023). Kepentingan dan Peranan Aplikasi TikTok dalam Menyebarkan Dakwah di Kalangan Remaja. Dalam E-Prosiding Konvensyen Kearifan Nusantara ke-IV (ARIF 2023).

- Ajidin, Zilal Afwa, & Wahidah, Nafkhatul. (2023). Fenomena Flexing di Media Sosial dan Kaitannya dengan Israf. *Islamic Business and Finance*. , 4(1), 1-16. DOI: 10.24014/ibf.v4i1.21951.
- Akbar, Muhammad Fikri, Ati, Henny Dewi Laras , & Sukarson, Ardian. (2024). Peran TikTok dalam Meningkatkan Brand Awareness di Kalangan Milenial dan Gen Z. *Journal Media Public Relations*, 4(1), 52.
- Amran, Nur Irsalina, Kamal, Nurul Najihah, & Syed Hasan, Syed Najihuddin. (2024). Pengajian Tadabbur al-Quran di Aplikasi TikTok: 'Quran Tadabbur'. Dalam E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5. FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Arfan, Akmal, & Megandaru W. Kawuryan. (2023). Komunikasi Nilai-Kepercayaan di Media Sosial: Analisis Terhadap Kesan Pengaruh di Platform TikTok. *Jurnal Komunikasi*, 39(4), 428-444. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3904-23>.
- Dass Meral, Fatin Farzana, & Ismail, Safinah. (t.t.). Keberkesanan Aktiviti Dakwah dalam Aplikasi TikTok Terhadap Akhlak Mahasiswa. *IJRAH*, 2, 97-102.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2021). *Pengaruh Digital*. Dalam Gerbang Kata Ekamus DBP. Diakses 10 April 2025. <https://ekamus.dbp.gov.my/Katadetail.aspx?ktid=22706>.
- Fariyah, Irzum. (2013). Media Dakwah Pop. *At-Tabsyir: Jurnal Komunikasi Penyiaran Islam*, 1(2), 25-45.
- Ghozali, Mahbub, Mursyid, Achmad Yafik & Fitriana, Nita. (2022). Al-Qur'an (Re)Presentation in the Short Video App TikTok: Reading, Teaching, and Interpretive. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*. DOI: 10.47836/pjssh.30.3.18
- Ghulam Al Dakwah. (2022). *Maklumat Akaun*. TikTok. <https://www.tiktok.com/@ghulamaldakwahofficial>.
- Greenhalgh, Trisha, Thorne, Sally, & Malterud, Kristi. (2018). Time to Challenge the Spurious Hierarchy of Systematic over Narrative Reviews?. *European Journal of Clinical Investigation*, 48(6), e12931.
- Hudaa, Syihaabul, Nuryani, & Sumadyo, Bambang. (2023). Pesan Dakwah Hijrah Influencer untuk Kalangan Muda di Media Sosial. *MAARIF*. DOI: 10.47651/mrf.v17i2.198
- Hussain, Abdul Azib & Ahmad, Muhammad Kamil. (2020). Kajian Evaluatif Terhadap Kepatuhan Fatwa dalam Program Cinta Ilmu di TV Alhijrah. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 1(1), 89 - 106.
- Ibrahim Adham. (2025, Mac 4). Jawapan terhadap Video TikTok Islam from the Quran berkaitan Rukyah Hilal. *AL-AFKAR*, 153. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/6154-al-afkar-153-jawapan-terhadap-video-TikTok-islam-from-the-quran-berkenaan-rukayah-hilal>.
- Kamilin Jamilin (2022), *Maklumat Akaun*. TikTok. <https://www.tiktok.com/@drkamilinjamilin>.
- Kamilin Jamilin (2023, Januari 31), *Pemakluman Penubuhan TikTok*. Facebook. <https://www.facebook.com/share/p/1A83F4th33/>.
- Khairul Anwar, Ahmad Wajdi, Hairul Zani, Muhammad Amir Hafiz, Sabaruddin, Muhammad Izaan, & Ellias, Mohd. Sobri. (2024). Parameter Penyediaan Konten Patuh Syariah Sebagai Medium Penyebaran Dakwah di Media Sosial: Tumpuan Terhadap Aplikasi TikTok. Dalam E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024) (e-ISSN: 2811-4051).
- Muzakky, Althaf Husein, Haitomi, Faisal & Sari, Maula. (2022). Resepsi Tafsir Q.S. Al-Mujadilah di TikTok sebagai Upaya Edukasi dan Pembelaan Hak-hak Perempuan. *Jurnal SMART*. DOI: 10.18784/smart.v8i1.1555

- Nafiah, Tsalits Maratun, Ihkamuddin, Hazmi, & Zuhriyah, Luluk Fikri. (2022). Platform Tik Tok Sebagai Media Dakwah di Kalangan Remaja Milenial (Studi Analisis Konten Dakwah Akun@ Bayasman00 Milik Husain Basyaiban). *Hikmah*, 16(2), 179-198.
- Nur, Zunaidi. (2023). Understanding the Qur'an and Hadith in Social Media. *Al-Misykah: Jurnal Studi Al-Qur'an dan Tafsir*, 4(2), 119-136.
- Omar, Mohd Rashidi, & Daud, Mohd Lukman. (2022). Seni Mendidik Generasi Z dan Alpha Berpanduan Sunnah. Prosiding, International Prophetic Conference (SWAN) FPQS USIM, (8th), 45-57. <https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/8>.
- Pebirawati, Tri Wahyuni. (2023). Etika Komunikasi Islam dalam Dakwah Koh Dennis Lim di Media Sosial TikTok. *Al-INSAN Jurnal Bimbingan Konseling dan Dakwah Islam*, 3(2), 48-62.
- Pertubuhan Ghulam Al-Dakwah Selangor. (2015). *Ghulam Al Dakwah*. Youtube. <https://www.youtube.com/@GhulamAlDakwah>.
- Roy, F. Baumeister & Mark, R. Leary (1997). Writing Narrative Literature Reviews. *Review of General Psychology*, 1(3), 311-320.
- Sucipta, Muhammad Aufakumara, & Puja Kusuma, Muhammad Dede. (2025). The Urgency of Communication Ethics in Social Media in Perspective of the Quran and Hadith. *Islam in World Perspectives*, 4(2), 323-332.
- Susanti, Eka, Sarah Lailatil Fadla, Leni Hermita Hasibuan, Nadhilah Ajrina, & Elvi Azizah. (2024). Analisis Interaksi Sosial Mahasiswa Pelanggan Aplikasi TikTok. *PUSTAKA: Jurnal Bahasa dan Pendidikan*, 4(1), 84-99. <https://doi.org/10.56910/pustaka.v4i1.1054>
- Wielki, Janusz. (2020). Analysis of the Role of Digital Influencers and their Impact on the Functioning of the Contemporary on-line Promotional System and its Sustainable Development. *Sustainability*, 12(17), 7138.
- Zaid, Bouziane, Fedtke, Jana, Shin, Don Donghee, El Kadoussi, Abdelmalek, & Ibahrine, Mohammed. (2022). Digital Islam and Muslim Millennials: How Social Media Influencers Reimagine Religious Authority and Islamic Practices. *Religions*, 13(4), 335.
- Zamakhshyari, Hasballah Thaib. (2024). Al-Mi'yar al-I'tiqadi li Akhlaq fi al-Qur'an: The Ethical Standards Prescribed in the Qur'an. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(1), 105-123.
- Zulfa, Maulia Indana, Adibah, Ida Zahara, & Isnaini, Isnaini. (2025). The Influence of TikTok Social Media in Islamic Religious Education in the 5.0 era. Dalam prosiding The International Conference on Religious Education and Cross-Cultural Understanding, 1(1).